



PERDANA LIBRARY  
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Suara Keadilan
Date	3/2/2012

## Najib, Mahathir jalin hubungan dengan Israel sekian lama- AMK

Suara Keadilan: 3 Feb 2012 (Oleh: Masdar Wahid)

KUALA LUMPUR 3 Feb: Angkatan Muda KEADILAN (AMK) berpendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan pimpinan Umno lainnya bersikap talam dua muka berhubung dasar luar negara dengan menjalinkan hubungan dengan Israel sejak sekian lama.

Ketua AMK, Shamsul Iskandar Mohd Akin mengulas kenyataan semborono pemimpin Umno, termasuk bekas presidennya, Tun Dr Mahathir Mohammad yang menyerang Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya ketua pembangkang itu menyokong Israel.

The Major Imports Partners			The Major Export Partners			The Major Trade Partners		
Rank	Partners	Percentage	Rank	Partners	Percentage	Rank	Partners	Percentage
World (all countries) 46,483.7 100.0%			World (all countries) 46,613.9 100.0%			World (all countries) 87,523.6 100.0%		
1	EU27	15,667.8 34.8%	1	United States	14,113.3 32.8%	1	EU27	26,774.8 30.8%
2	United States	5,788.7 12.7%	2	United States	11,302.0 26.2%	2	United States	15,925.0 22.7%
3	China	2,470.5 5.3%	3	Hong Kong	2,756.9 6.4%	3	China	5,257.3 6.0%
4	Switzerland	2,076.8 4.7%	4	India	2,153.8 5.0%	4	Hong Kong	3,797.2 4.3%
5	Turkey	1,415.7 3.2%	5	China	1,578.4 3.7%	5	India	3,551.6 4.0%
6	India	1,370.1 3.1%	6	Turkey	1,653.1 3.6%	6	Switzerland	2,403.1 2.7%
7	Japan	1,293.4 3.0%	7	Japan	732.0 1.7%	7	Turkey	2,498.8 2.9%
8	Hong Kong	1,040.1 2.3%	8	Japan	706.3 1.6%	8	Japan	1,470.8 1.7%
9	South Korea	765.9 1.8%	9	South Korea	632.6 1.5%	9	South Korea	1,428.6 1.6%
10	Russia	583.7 1.3%	10	USPOC	590.1 1.3%	10	Russia	1,148.9 1.3%
11	Singapore	524.3 1.2%	11	Malaysia	565.1 1.3%	11	Malaysia	606.3 1.1%
12	Thailand	427.2 1.0%	12	Russia	564.2 1.3%	12	Malaysia	926.9 1.1%
13	Canada	354.8 0.9%	13	Japan	517.0 1.2%	13	Iran	884.8 1.0%
14	Spain	282.3 0.8%	14	Singapore	421.5 1.0%	14	Norway	789.6 0.9%
15	Brazil	225.1 0.5%	15	Australia	357.6 0.9%	15	Malaysia	630.1 0.7%
16	Mexico	125.9 0.3%	16	Costa Rica	355.4 0.8%	16	Australia	496.6 0.6%
17	Argentina	120.2 0.3%	17	Thailand	345.4 0.8%	17	South Africa	280.3 0.4%
18	Australia	111.0 0.2%	18	South Africa	354.9 0.7%	18	Egypt	364.5 0.4%
19	Ukraine	103.6 0.2%	19	Mexico	254.6 0.5%	19	Mexico	200.5 0.4%
20	Indonesia	85.9 0.2%	20	Ukraine	216.6 0.5%	20	Costa Rica	208.3 0.4%
21	Malaysia	75.8 0.2%	21	Philippines	143.0 0.3%	21	Russia	217.8 0.2%
22	Philippines	65.1 0.1%	22	Jordan	142.0 0.3%	22	Philippines	206.1 0.2%
23	Japan	60.3 0.1%	23	Egypt	113.3 0.3%	23	Iran	205.3 0.2%
24	Malaysia	42.0 0.1%	24	Azerbaijan	112.2 0.3%	24	Argentina	203.3 0.2%
25	Vietnam	40.1 0.1%	25	Colombia	105.1 0.2%	25	Vietnam	199.7 0.2%
26	Norway	39.0 0.1%	26	Vietnam	100.9 0.2%	26	Vietnam	190.5 0.2%
27	Ukraine	38.0 0.1%	27	Israel	95.1 0.2%	27	Colombia	153.2 0.1%
28	China	36.5 0.1%	28	Ukraine	86.2 0.2%	28	Azerbaijan	112.2 0.1%
29	China	35.2 0.1%	29	Botswana	78.0 0.2%	29	Norway	105.9 0.1%
30	Paraguay	33.5 0.1%	30	Argentina	75.1 0.2%	30	China	98.4 0.1%
31	Sri Lanka	22.7 0.1%	31	Chile	63.2 0.1%	31	Chile	96.1 0.1%
32	Colombia	16.0 0.0%	32	Peru	55.4 0.1%	32	Indonesia	91.4 0.1%
33	Russia	15.8 0.0%	33	Norway	54.0 0.1%	33	Malaysia	77.2 0.1%
34	Iceland	14.6 0.0%	34	Kazakhstan	49.0 0.1%	34	Sri Lanka	75.0 0.1%
35	Paraguay	14.5 0.0%	35	Sri Lanka	41.0 0.1%	35	Peru	42.3 0.1%

Dokumen EU menunjukkan Malaysia di kedudukan ke 15 menjalin hubungan dagang dengan Israel. Menurut Shamsul, Malaysia menduduki tangga ke 15 sebagai rakan dagang utama dengan Israel pada 2010, melalui dokumen rasmi yang didedahkan oleh Kesatuan Eropah (EU), selain kapal Israel dibenarkan berlabuh di perairan Malaysia.

"Pendedahan dokumen yang menyatakan Malaysia menduduki tangga ke 15 sebagai 'The Major Trade Partner 2010' dengan rejim Israel membuktikan sikap sebenar hipokrasi Umno.

"Namun di dalam negara, mereka (pemimpin Umno) cuba menyatakan Malaysia tiada hubungan langsung dengan Israel, samada secara rasmi atau tidak rasmi," katanya.

Selain itu, katanya, Najib melantik syarikat perunding komunikasi Israel, Apco Worldwide untuk menaikkan imej kerajaan dengan membayar sebanyak RM77 juta setahun kepada syarikat zionis itu.

Manakala Mahathir pula mengakui pernah membayar seorang pelobi Zionis, Jack Abramoff bagi menemui bekas Presiden Amerika Syarikat, George Bush.

"Najib mengupah Apco dan Dr Mahathir pula membayar pelobi zionis jutaan ringgit, ini semua mengukuhkan lagi sikap bermuka-muka Umno yang mempercayai kepakaran Israel berbanding keupayaan rakyat Malaysia sendiri.

"Sebab itu fitnah Umno bersama media kawalannya kononnya Anwar menyokong Israel jelas menggambarkan sikap hipokrit dan bertujuan cuba mengalih isu sebenar," jelas beliau kepada [theadilandaily.com](http://theadilandaily.com)

Sebelum ini, pentadbiran Najib membayar RM77 juta setahun kepada Apco Worldwide, untuk tujuan perundingan komunikasi selain mengilhamkan slogan 1 Malaysia yang meniru konsep One Israel. Pendedahan itu pada Mac tahun lalu menyebabkan Anwar dan tiga ahli parlimen akatan Rakyat digantung dari menghadiri sidang Dewan Rakyat hampir setengah tahun.

Selain Apco, pentadbiran Najib turut mengupah syarikat komunikasi, FBC media yang terlibat dalam kempen menyokong serangan tentera Israel terhadap konvoi misi bantuan Mavi Marmara ke Gaza, Mei 2010. FBC yang dibayar kerajaan Malaysia RM94 juta turut memuji tindakan Israel menghentikan misi bantuan kemanusiaan kapal Mavi Marmara ke Gaza, yang menyaksikan beberapa orang terkorban.